

# JEN TAN SRI DATO' SERI PANGLIMA HJ ZULKIFLI BIN HJ ZAINAL ABIDIN MEMULAKAN TUGAS SEBAGAI PANGLIMA ANGKATAN TENTERA YANG KE-20

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3595-jen-tan-sri-dato-seri-panglima-hj-zulkifli-bin-hj-zainal-abidin-memulakan-tugas-sebagai-panglima-angkatan-tentera](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3595-jen-tan-sri-dato-seri-panglima-hj-zulkifli-bin-hj-zainal-abidin-memulakan-tugas-sebagai-panglima-angkatan-tentera)

KUALA LUMPUR, 26 Jun 18 – YBhg Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin hari ini secara rasminya memulakan tugas sebagai Panglima Angkatan Tentera setelah mengambil alih jawatan tersebut daripada YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor pada 20 Jun yang lalu.



Terdahulu, YBhg Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin telah diberi penghormatan mengambil tabik hormat dan memeriksa perbarisan Kawalan Kehormatan Utama dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja yang diadakan di Dataran Wisma Pertahanan.



Turut hadir pada majlis hari ini Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Halimi bin Abd Manaf; Panglima-panglima Perkhidmatan serta Pegawai-pegawai Kanan ATM.



